

BULETIN@SUK

Julai-September



#KITASELANGOR
TEGUH BERSAMA



#KITASELANGOR
TEGUH BERSAMA

MUTIARA KATA

"Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya kita berjaya menghadapi gelombang demi gelombang dan cabaran di Negeri Selangor. Saya amat mengharapkan sepenuhnya komitmen dan kerjasama daripada seluruh penjawat awam di Negeri Selangor dalam memastikan rencana yang telah digariskan, dapat kita realisasikan bersama. Perkhidmatan Awam menjadi Jentera Perkhidmatan Utama untuk penyampaian dan pelaksanaan segala dasar, agenda serta inisiatif yang menjadi tonggak kepada kemakmuran negara. Penjawat Awam perlu sentiasa mengadaptasi dengan gelombang revolusi Industri 4.0 yang kebanyakannya hanya melalui hujung jari sahaja yang menyebabkan berlakunya perubahan gaya hidup seharian generasi kini."



YB DATO' HAJI HARIS BIN KASIM

Sidang Redaksi

PENAUNG

YB Dato' Haji Haris bin Kasim
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

PENASIHAT

Nor Azurah binti Nasir

KETUA EDITOR

Naim bin Mazlan

SIDANG EDITORIAL

Nur Fariza binti Daud
Meor Muhammad Syazwan bin Meor Harudin
Adib bin Aziz
Nur Syazwani binti Salim

FOTOGRAFI

Ahmad Fadhli bin Yahya
Nadzir Asri bin Khairi



#KITASELANGOR
TEGUH BERSAMA

JULAI

08 Misi Selangor Penyayang 1.0
Misi Selangor Penyayang 2.0

10 Jelajah Selangor Penyayang
Kuala Selangor/ Petaling/
Gombak

13 Majlis Menandatangani
Perjanjian Sempadan Darat Di
Antara Negeri Selangor dan
Negeri Sembilan

14 Majlis Simposium
Prapelancaran Rancangan
Selangor Pertama (RS-1)

15 Pemberian Bantuan Kewangan
kepada Masyarakat Orang Asli
Negeri Selangor

16 Data Terbuka Kerajaan
Negeri Selangor

17 Majlis Penutupan *Strategic
Partnership Programme (SPP)*
Diploma Pengurusan Awam,
Pejabat SUK Selangor

26 Kunjungan Hormat Pengarah
Imigresen Negeri Selangor ke
Pejabat SUK Selangor

OGOS

Majlis Perasmian Jelajah Aspirasi
Keluarga Malaysia

21

Program Fun Ride CSR Ketua
Setiausaha Negara dan
Setiausaha Kerajaan Negeri
Selangor Bersama Penjawat
Awam Negeri Selangor

22

Kunjungan Hormat Setiausaha
Kementerian Wilayah
Persekutuan (KSU KWP)

30

SEPTEMBER

DYMM Sultan Selangor Rasmi
Masjid Putra Heights

03

Pameran Penerbangan Selangor
2022 (SAS2022)

04

Program Penanaman Pokok
& Hari Hutan Antarabangsa

05

Sesi Penyampaian Amanat &
Penyerahan Surat Penempatan
Pegawai Tadbir & Diplomatik

23

Program Literasi Dasar
Keselamatan Negara 2021-
2025

24

DYMM SULTAN SELANGOR RASMI MASJID PUTRA HEIGHTS

MASJID PUTRA HEIGHTS, SUBANG JAYA
22 SEPTEMBER 2022

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor telah berkenan merasmikan masjid ini dengan nama Masjid Putra Heights.

Masjid ini siap sepenuhnya pada 17 April 2022. Masjid ini juga mampu menampung sejumlah 5000 jemaah pada satu-satu masa dan mampu memenuhi keperluan penduduk setempat. Berdasarkan kapasiti tersebut, Masjid Putra Heights adalah antara masjid terbesar di Daerah Petaling. Masjid ini turut dibina bersama-sama dewan serbaguna yang boleh berfungsi dalam pelbagai acara dan keadaan seperti menjadi Pusat Penempatan Sementara (PPV) mangsa banjir yang melanda Negeri Selangor pada akhir 2021 lalu.





SELANGOR
AVIATION SHOW 2022

PAMERAN PENERBANGAN SELANGOR 2022 (SAS2022)

SKYPARK REGIONAL AVIATION CENTRE (RAC), SHAH ALAM
8 SEPTEMBER 2022



Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan merasmikan Pameran Penerbangan Selangor 2022 (Selangor Aviation Show 2022) yang diadakan dari 8 hingga 10 September 2022 di Skypark Regional Aviation Centre (RAC), Shah Alam.

SAS2022 juga mempamerkan 29 kapal terbang termasuk helikopter berbanding hanya 18 buah pada edisi lalu, sekali gus menyaksikan peningkatan yang ketara. Pameran itu turut menyaksikan penyertaan dari negara luar melibatkan Singapura, Brazil, Perancis, Amerika Syarikat, Switzerland, Republik Czech, Nigeria, United Kingdom dan Malaysia.

Pameran selama tiga hari itu dipenuhi dengan pelbagai program menarik termasuk forum industri, pembentangan, aktiviti kerjasama dan program pembelajaran untuk pelajar dalam pengajian penerbangan termasuk joyride untuk orang ramai.



PROGRAM PENANAMAN POKOK & HARI HUTAN ANTARABANGSA



**BUKIT BROGA, HULU LANGAT
24 SEPTEMBER 2022**

Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan merasmikan program penanaman pokok sempena Hari Hutan Antarabangsa peringkat Negeri Selangor di kaki Bukit Broga, Semenyih. Ketibaan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah di kaki Bukit Broga diiringi Dato' Menteri Besar Selangor Dato' Seri Amirudin Shari, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dato' Haris Kasim serta EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Hee Loy Sian. Hadir bersama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Dato' Mohd Ridza Awang dan Pengarah Perhutanan Negeri Selangor Dato' Ahmad Fadzil Abd Majid.

Raja Muda Selangor kemudian berkenan menanam sebatang pokok sebagai simbolik sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat Negeri Selangor. Program tersebut menyeru semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah proaktif untuk menjayakan program penanaman 26 juta pokok.

Marilah kita bersama-sama berganding bahu dan bersepakat kearah menghijaukan bumi Selangor yang kita sayangi.

SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR



**BILIK GERAKAN MTES
15 SEPTEMBER 2022**

Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Negeri Selangor telah diadakan di Taman Eko Ara Damansara (TEAD) bertemakan “ Waterways in Our communiti” bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa sungai merupakan aset penting dan bernilai kepada kehidupan yang perlu diurus dan dijaga dengan baik.

Sambutan Hari Sungai Sedunia telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor. Hadir bersama YB Dato’ Haji Haris Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Tuan Ng Sue Lim, Speaker Dewan Negeri Selangor dan YBrs. Tuan Mohamad Nazif Daud, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Setelah majlis perasmian, program diteruskan dengan menanam pokok buluh, melepaskan anak ikan di Sungai dan melawat tapak pameran.

ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT SELANGOR SEMPENA MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-76

DEWAN JUBLI PERAK, SUK SELANGOR
21-22 SEPTEMBER 2022

Seramai 388 orang telah menerima pingat Negeri Selangor Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-76 DYMM Sultan Selangor yang diadakan selama dua hari bermula pada 21-22 September 2022 lalu. Istiadat pengurniaan pingat telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Selangor Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz.

Pada hari pertama, pengurniaan pingat telah diberikan kepada penerima-penerima dari 2 daerah iaitu Petaling dan Klang. Seramai 187 pingat Selangor iaitu Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.), 31 penerima, Pingat Perkhidmatan Cemerlang Selangor (P.P.C.), 40 penerima, Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K), 111 penerima, dan Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.) seramai 5 penerima.



MISI SELANGOR PENYAYANG 1.0



**DATARAN SUK SELANGOR
6 JULAI 2022**

Bertempat di Dataran SUK Selangor telah berlangsung Sesi Flag Off bagi Konvoi Misi Selangor Penyayang: Bantuan Pasca Banjir ke Baling, Kedah yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut hadir bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, YBr. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Barisan YBr. Datuk Bandar, Pegawai Daerah dan YDP Pihak Berkuasa Tempatan dan Barisan Ketua Jabatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Dengan kekuatan anggota seramai 205 orang yang terdiri daripada kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan 20 orang sukarelawan Team SERVE. Anggota ini dipimpin oleh Chef De Mission, Encik Mohd Ikram bin Rahimi, KPSU Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor.





MISI SELANGOR PENYAYANG 2.0

BALING
21 JULAI 2022

Misi Selangor Penyayang 2.0 telah berjaya dilaksanakan dengan sumbangan Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM100,000.00 dalam bentuk wang ringgit dan bantuan peralatan asas kepada Pejabat Daerah Tanah Baling dan mangsa banjir Baling.

YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menyerahkan cek cura RM30,000 kepada Tuan Mohd Shahadan Bin Abdullah, Pegawai Daerah dan Tanah Baling manakala baki melibatkan keperluan asas kepada mangsa-mangsa banjir.

Misi Selangor Penyayang 2.0 diketuai oleh YB Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman, Exco Generasi Muda, Sukan & Modal Insan bersama YB Puan Rodziah binti Ismail, Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar & Pembangunan Usahawan dan YB Tuan Borhan bin Aman Shah, Exco Pembangunan Luar Bandar & Kebudayaan.

Turut serta seramai 150 anggota Skwad Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) dari 12 pihak berkuasa tempatan (PBT), Sukarelawan Selangor dan Team Selangor.





Jelajah Selangor Penyayang KUALA SELANGOR



STADIUM UTAMA, KUALA SELANGOR 2 JULAI 2022

Program Jelajah Selangor Penyayang (JSP) meneruskan jelajahnya ke Daerah Kuala Selangor pada 2 Julai 2022 dengan bertemakan “Kesehatan Berkualiti, Rakyat Terbela”.

Pelbagai acara menarik dijalankan sejak awal pagi antaranya senamrobik, pertandingan sukan rakyat, pertandingan mewarna dan pertandingan e-sukan Mobile Legend dan Fifa.

Acara kemuncak diteruskan dengan Majlis Perasmian Program oleh YAB Dato’ Menteri Besar Selangor, Dato’ Seri Amirudin Shari seterusnya penyampaian bantuan kepada penerima Iltizam Selangor Sihat, Bantuan Sihat Selangor, Peduli Sihat Penjawat Awam dan Anugerah Kampung Terbaik Daerah Kuala Selangor.



Jelajah Selangor Penyayang PETALING

LAMAN MBPJ, PETALING JAYA
21 JULAI 2022

Program Jelajah Selangor Penyayang (JSP) diadakan di daerah Petaling bertempat di Dataran Boulevard, Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya bertemakan Kasih Keluarga Negeri Penyayang. Jelajah siri ke-empat ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Pelbagai acara yang menarik diadakan bermula jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang. Antaranya sukan rakyat, persembahan artis, pertandingan memasak, pertandingan gubahan bunga, senamrobik, pameran dan jualan.

Selain program-program di bawah Itizam Selangor Penyayang (ISP), terdapat juga booth daripada pihak MBI yang memperkenalkan inisiatif dan insentif seperti Rumah Idaman Selangor, PLATS, Hijrah Selangor, Wanita Berdaya Selangor dan WIFI Selangor.

Dan yang menjadi tarikan utama juga, di setiap Jelajah Itizam Selangor Penyayang (ISP) menawarkan program saringan kesihatan yang dikenali sebagai Program Saring Selangor bagi mengesan awal penyakit kronik secara percuma.





Jelajah Selangor Penyayang

GOMBAK



**PADANG AWAM BATU CAVES
31 JULAI 2022**



Ribuan pengunjung hadir memeriahkan program Jelajah Selangor Penyayang di Gombak bertemakan “Pendidikan Holistik , Generasi Muda Dinamik” bermula dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Program jelajah kali kelima anjuran Kerajaan Negeri itu diadakan di Padang Awam Batu Caves dan dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor.

Program diserikan dengan persembahan deklamasi Sajak Hari Pahlawan, persembahan artis, pertandingan gusti lengan, futsal, sukan rakyat, permainan dalam talian Mobile Legends, pameran dan jualan makanan.

Program berakhir dengan simbolik Majlis Penyerahan dan Kibaran Jalur Gemilang serta nyanyian lagu jalur gemilang.





MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN SEMPADAN DARAT DI ANTARA NEGERI SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

**HOTEL SAMA-SAMA, SEPANG
4 JULAI 2022**

Perjanjian sempadan darat di antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan telah menyelesaikan jajaran sempadan darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan dengan jarak sepanjang 111.9 km yang bermula dari titik pertemuan sempadan 3 negeri iaitu Negeri Sembilan, Selangor serta Pahang dan berakhir di muara Sungai Sepang.

Titik akhir tersebut akan dijadikan sebagai titik permulaan bagi kedua-dua negeri untuk memulakan rundingan penentuan sempadan maritim hingga ke laut wilayah negeri.

Perjanjian Sempadan Darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan ditandatangani oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari dan Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun disaksikan oleh Menteri KeTSA, YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan yang telah diadakan di Hotel Sama-Sama, Sepang.

MAJLIS SIMPOSIUM PRAPELANCARAN RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (RS-1)

**PUSAT KONVENSYEN MBSA, SHAH ALAM
7 JULAI 2022**

Pada 7 Julai 2022 bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam telah dilaksanakan Majlis Simposium Prapelanaran Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, YAB Dato' Menteri Besar Selangor diiringi oleh YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan YBrs. Dr Nor Fuad Bin Abdul Hamid, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) merupakan rancangan pembangunan komprehensif yang menjadi hala tuju strategik bagi Negeri Selangor dalam memenuhi keperluan rakyat dan membina daya tahan mendepani cabaran masa depan.



PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI NEGERI SELANGOR

PUSAT KONVENSYEN MBSA, SHAH ALAM
7 JULAI 2022

Kerajaan Selangor mengumumkan pemberian bantuan kewangan kepada 150 pemimpin masyarakat Orang Asli di negeri ini bermula seawal Oktober 2022 atau selewat-lewatnya November 2022.

YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor berkata, pemberian sebanyak RM1,000 akan diberikan kepada Tok Batin, manakala Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) masing-masing bakal menerima sebanyak RM500 dan RM250.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah sebagai tanda penghargaan kepada sumbangan Tok Batin yang bekerja ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membantu dan mengawal komuniti Orang Asli khususnya ketika berdepan dengan pandemic Covid-19, selain memastikan pelaksanaan vaksinasi berjalan lancar.



DATA TERBUKA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**HOTEL SAMA-SAMA, SEPANG
13 JULAI 2022**

Kerajaan Negeri Selangor mengambil bahagian di dalam menyumbang data kepada Portal Data Terbuka Sektor Awam Malaysia supaya boleh dimanfaatkan oleh semua pengunjung. Halaman ini diwujudkan bertujuan untuk memaparkan set data yang boleh dikongsikan dan digunakan semula oleh rakyat, agensi sektor awam atau swasta untuk sebarang tujuan.



Pelaksanaan data terbuka dapat meningkatkan kualiti dan ketelusan penyampaian perkhidmatan kerajaan menerusi perkongsian data yang tepat, cepat dan relevan. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan produktiviti dan ekonomi negara melalui industri/ inovasi baharu dengan penglibatan rakyat dan komuniti perniagaan.

Data disediakan oleh pelbagai jabatan negeri dan diselaraskan oleh Seksyen Data di Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor seperti berikut:

Seksyen Data,
Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 15, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam,
Selangor

Telefon : 03-55447948 / 03-55212464

Atau layari Portal:- <https://www.selangor.gov.my>

MAJLIS PENUTUPAN STRATEGIC PARTNERSHIP PROGRAMME (SPP)

Diploma Pengurusan Awam,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



PEJABAT SUK SELANGOR
19 JULAI 2022

Majlis penutupan meraikan lima belas (15) kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang telah tamat praktikal Diploma Pengurusan Awam. Program Diploma Pengurusan Awam (DPA) INTAN merupakan kursus pra-perkhidmatan selama 1 bulan mulai 20 Jun 2022 - 21 Julai 2022 bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan pelantikan ke dalam skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD).



SESI LIBAT URUS YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA PENTADBIRAN TANAH/ DAERAH DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

BALING
21 JULAI 2022

YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah mengadakan sesi libat urus bersama Pegawai-Pegawai Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Sesi perbincangan khas tersebut adalah untuk membincangkan berkenaan isu-isu semasa di daerah yang melibatkan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Antaranya ialah menjelaskan hala tuju Negeri Selangor bagi pelaksanaan perancangan pembangunan dan kemajuan daerah khususnya di Negeri Selangor. Selain itu, sesi ini juga memberi penekanan dan kesedaran tentang kepentingan penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh Pentadbiran Tanah / Daerah dan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.





MESYUARAT KEDUA PENGKAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KE-14 TAHUN 2022

**DEWAN NEGERI SELANGOR
25-29 JULAI 2022 & 1-5 OGOS 2022**

Sidang Dewan Negeri Selangor berlangsung antara 25 Julai hingga 29 Julai dan 1 Ogos Hingga 5 Ogos 2022. Ucapan pembentangan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) oleh Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari. Rancangan Selangor Pertama RS-1 dibentang julung kali merangkum pelan lima tahun pembangunan bagi menentukan hala tuju negeri seterusnya membawa kesejahteraan kepada penduduk.

Di bawah RS-1, Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Selangor sebuah Negeri pintar, berdaya huni dan Makmur menjelang 2025 dengan menumpukan empat teras utama iaitu pengukuhan sektor ekonomi, membina kesejahteraan rakyat dan keterangkuman sosial, memacu agenda kelestarian dan peningkatan kecekapan tadbir urus yang menjadi prinsip panduan.

BAUCAR HALAL SELANGOR

SHAH ALAM
28 JULAI 2022



Kerajaan Negeri Selangor akan mengagihkan baucer bernilai RM100 kepada rakyat Negeri Selangor yang kurang berkemampuan di 56 DUN mulai September sehingga November 2022. Program Baucar Halal Selangor 2022 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bertempat di Dewan Annex Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

YB Mohd Zawawi Ahmad Mughni, Exco Agama Islam, Pengguna & Industri Halal berkata seramai 2800 pengguna berpendapatan bulanan isi kurang daripada pendapatan garis kemiskinan akan dikenalpasti oleh Pusat Khidmat Rakyat di setiap Dewan Undangan Negeri. Baucar itu boleh digunakan di Koperasi Warga Hijrah Selangor (Kohijrah), Mydin, Azzainmart Peneraju Kedai Halal dan 99 Speed Mart dengan hanya satu transaksi dibenarkan.





MAJLIS PERASMIAN JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

DATARAN KARNIVAL, STADIUM
SHAH ALAM
19-21 OGOS 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia telah berlangsung pada 19 hingga 21 Ogos 2022 bertempat di Dataran Karnival, Pekarangan Stadium Shah Alam.

Majlis perasmian program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) telah disempurnakan pada hari jumaat oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri. Turut Hadir bersama YB Dato' Haji Haris bin Kasim Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mewakili Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.



Antara aktiviti yang menarik tarikan pengunjung ialah cabutan bertuah, acara berwarna bersama Omar & Hana, e Sukan, Sukan Rakyat, pertandingan nyanyian bintang patriotik, Program Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia dan Jualan murah keluarga Malaysia serta tawaran diskaun 50 peratus bayaran saman trafik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Antara tarikan menarik lain ialah Kenduri Rakyat Keluarga Malaysia@Kenduri Foodtruck yang disertai oleh YAB Perdana Menteri bersama rakyat setempat.



PROGRAM FUN RIDE KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR

*Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia
(JAKM) Selangor 2022*



**DATARAN KEMERDEKAAN, SHAH ALAM
20 OGOS 2022**

Majlis Perlepasan Fun Ride bermula dan tamat dari lokasi yang sama iaitu Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Majlis Pelepasan disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara diiringi oleh YB Dato' Haji Haris Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Antara program yang berlangsung ialah majlis penyampaian bantuan e-kasih iaitu bantuan kerusi roda dan bakul makanan kepada mereka yang memerlukan. Selain itu, aktiviti perlawanan bola sepak kain pelikat dan permainan carom turut disertai oleh Ketua Setiausaha Negara bersama Penjawat Awam Negeri Selangor. Semoga aktiviti sukan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kebersamaan.



SESI PENYAMPAIAN AMANAT & PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK

PEJABAT SUK SELANGOR
5 SEPTEMBER 2022

Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Penempatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan berkuatkuasa pada 5 September 2022 iaitu :

01



Encik Abdul Razak bin Maksud

Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

02



Encik Muhammad Hanafi bin Ahmad

Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Tanah/Daerah Sepang

03



Encik Saiful Bahari bin Roslan

Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Tanah/Daerah Hulu Selangor

PROGRAM LITERASI DASAR KESELAMATAN NEGARA 2021-2025



**DEWAN JUBLI PERAK
6 SEPTEMBER 2022**

Program Literasi Dasar Keselamatan Negara Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor telah diadakan di Dewan Jubli Perak , Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alam yang melibatkan penjawat awam Di Negeri Selangor. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Haris Bin Kassim Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Majlis dimulai dengan ucapan aluan oleh YBrs. Puan Faizatul Aini Binti Mohd Adnan Pengarah Keselamatan Negeri Selangor. Turut Hadir YBhg. Datuk Hj. Rodzi Bin Md Saad Ketua Pengarah Keselamatan Negara Yang turut berkongsi mengenai intipati Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 kepada hadirin yang hadir.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Brig. Jen. Hj Faizal bin Abdul Rahman Panglima 11 Briged, YDH. Dato' Arjunaidi bin Mohamed Ketua Polis Selangor dan ketua-ketua Jabatan Agensi Kerajaan Peringkat Negeri Selangor dan Persekutuan yang turut sama hadir memeriahkan program yang dianjurkan. Program berakhir dengan sesi pengibaran jalur gemilang bersempena bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia.



MAJLIS PENUTUP KURSUS PERSEDIAAN PELAJAR KE LUAR NEGARA



**DEWAN MUZAKARAH & SYARAHAN MASJID
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
SHAH ALAM
10 SEPTEMBER 2022**



Kursus Persediaan Pelajar ke Luar Negara melibatkan 61 orang pelajar anak Negeri Selangor yang akan melanjutkan pengajian Ke Institut Pengajian Tinggi Jordan dan Mesir.

Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir YB Dato' Haji Haris Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, SS Dato' Haji Mohd Shahzihan Bin Ahmad, Pengarah JAIS pada 10 September 2022 di Dewan Muzakarah dan Syarahan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah , Shah Alam.



Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar keperluan-keperluan penting disamping mempertingkatkan kemahiran Bahasa Arab dalam pengurusan hidup di luar negara.



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH IMIGRESEN NEGERI SELANGOR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**PEJABAT SUK SELANGOR
19 JULAI 2022**

Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung kunjungan hormat YBrs. Dr. Muhammad Syahmi bin Jaafar, Pengarah Imigresen Negeri Selangor ke atas YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Turut hadir bersama Puan Wan Zetti Rafina binti Wan Mohamad Zuki, Timbalan Pengarah Imigresen Negeri, Puan Wan Sanisah Binti Wan Awang, Ketua Bahagian Pengurusan dan Encik Ya Mohammad Nazri Syah bin Ismail, Ketua Bahagian Perancangan Strategik dan khidmat Korporat.



KUNJUNGAN HORMAT DAN PERBINCANGAN PENERUSI PERSATUAN SURI & ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA) NEGERI SELANGOR



**PEJABAT SUK SELANGOR
1 OGOS 2022**



Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung sesi ramah mesra dan kunjungan hormat YBhg. Datin Hajah Padiah binti Safian Pengerusi Persatuan Suri & Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) ke atas YB Dato' Haji Haris Bin Kasim , Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Hadir bersama YBrs. Puan Syarmila binti Yahaya , Timbalan Pengerusi 1 (PUSPANITA) Negeri Selangor , Puan Fara Mazwina binti Ahmad Farok , Setiausaha (PUSPANITA) Negeri Selangor dan Puan Noreha binti Mohamed Saad , Bendahari (PUSPANITA) Negeri Selangor.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan berkaitan pelaksanaan dan perancangan program-program (PUSPANITA) Negeri Selangor pada tahun 2022.



KUNJUNGAN HORMAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, BAHAGIAN KAWALAN KEWANGAN STRATEGIK DAN PERAKAUNAN

**PEJABAT SUK SELANGOR
10 OGOS 2022**

Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung kunjungan hormat En. Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir, Setiausaha Bahagian Kewangan Strategik Dan Korporat (SBKSK) ke atas YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Turut hadir bersama Dr. Farida binti Veerankutty, Ketua Seksyen Koordinasi Audit Dalam dan Perakaunan, En. Khairul Anuar bin Ahmad Johari, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Pn. Hidayatul Huda binti Abdul Latiff, Penolong Setiausaha Kanan.





KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA NEGERI SELANGOR (ROS) KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



**PEJABAT SUK SELANGOR
22 OGOS 2022**

Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung sesi ramah mesra dan kunjungan hormat Encik Nurul Azhar bin Husin, Pengarah ROS Negeri Selangor, Puan Zainab binti Othman, Penolong Pegawai Tadbir (Ketua Cawangan Penguatkuasaan), dan Puan Norlin binti Mudzafar, Penolong Pegawai Tadbir (Ketua Cawangan Pertubuhan) ke atas YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Diharap kunjungan ini akan mengeratkan hubungan kerja yang baik di masa hadapan antara Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Selangor - ROS Selangor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

KUNJUNGAN HORMAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN(KSU KWP)



**PEJABAT SUK SELANGOR
22 OGOS 2022**

Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung sesi ramah mesra dan kunjungan hormat YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, KSU KWP, YBhg. Datuk Ruzain bin Idris, TKSU Perancangan dan Pembangunan, YBhg. Datuk Nor Muhammad bin Che Dan @ Che Din, SUB Pengurusan & Pembangunan, YBrs, TPr. Mohd Fahmi bin Said, Pegawai Khas KSU, Puan Norliza binti Abdul Aziz, KPSU Seksyen Pemantauan dan Projek Khas, Puan Norhidayah Binti Abu Hassan, KPSU Seksyen dan Projek Khas, dan Puan Salbiahanim Binti Mohd Suan, PSUK Seksyen Pemantauan & Projek Khas ke atas YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.





PERLAWANAN PERSAHABATAN PERSIAPAN SKUAD BOLA SEPAK SUKSEL FC KE SUKSEM 2022

PADANG LATIHAN THE RED GIANTS
23 SEPTEMBER 2022

Perlawanan bola sepak persahabatan diantara pasukan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS FC) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUKSEL FC) telah berlangsung di Padang Latihan The Red Giants. Perlawanan ini juga merupakan satu bentuk latihan dan persiapan sebelum permulaan Karnival Sukan SUK Se-Malaysia Kali Ke-8.

Keputusan berpihak kepada Pasukan SUKSEL FC dengan jaringan 3-0. Walau bagaimanapun, kemenangan bukanlah satu misi utama yang mahu dicapai, tetapi semangat persahabatan dan jalinan silaturrahim yang menjadi kunci kepada pintu perlawanan ini. Ini dilihat ketika pemain (SUKNS FC) yang cedera dibantu segera oleh paramedic (SUKSEL FC) semasa perlawanan. Semoga kerjasama dan silaturrahim yang dibina kelak akan meningkatkan potensi pemain-pemain dalam arena Sukan Bola Sepak.





I SUK SELANGOR

Bangunan Sultan
Salahuddin Abdul Aziz
Shah, 40503 Shah
Alam, Selangor Darul
Ehsan

